



# **GARIS PANDUAN INSENTIF PENYELIDIKAN, PENERBITAN DAN INOVASI KIAS 2022**

Diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif  
Bil.2/2023 bertarikh 19 Januari 2023

**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC)  
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ISMAIL PETRA  
(KIAS)**

# **GARIS PANDUAN INSENTIF PENYELIDIKAN, PENERBITAN DAN INOVASI KIAS 2022**

## **1.0 LATAR BELAKANG**

- 1.1 Insentif Penyelidikan dan Penerbitan telah mula diperkenalkan oleh KIAS pada tahun 2022 dengan peruntukan bajet sebanyak RM10,000.00 melalui Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC).
- 1.2 Pelaksanaan insentif ini perlu ditambah baik dari masa ke masa untuk memastikan insentif ini lebih efektif dan kompetitif selari dengan pelan strategik KIAS dan keperluan penarafan Malaysia Research Assessment (MyRA).
- 1.3 Selaras dengan naik taraf UPPK kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) pada 20 Oktober 2022 dengan penambahan satu entiti berkaitan inovasi, pihak RMC dengan ini mencadangkan supaya insentif ini dinamakan sebagai Insentif Penyelidikan, Penerbitan dan Inovasi.
- 1.4 Bagi memastikan pelaksanaan insentif ini telus dan efektif, maka dengan ini pihak RMC mencadangkan satu garis panduan bagi Insentif Penyelidikan, Penerbitan dan Inovasi KIAS 2022.

## **2.0 OBJEKTIF**

- 2.1 Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada pensyarah/penyelidik yang produktif.
- 2.2 Memberi galakan dan dorongan kepada para pensyarah untuk meningkatkan hasil penyelidikan dan penerbitan masing-masing selaras dengan misi dan visi KIAS.

### **3.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN:**

- 3.1 Permohonan Insentif Penyelidikan, Penerbitan dan Inovasi KIAS 2022 mestilah dibuat dalam tempoh yang ditetapkan.
- 3.2 Pemohon telah memasukkan data penerbitan yang diterbitkan bagi tahun yang ditetapkan.
- 3.4 Penganugerahan skim insentif diberikan berdasarkan kepada keutamaan pencapaian bagi setiap kategori

### **4.0 KAEDAH PEMBAYARAN**

- 4.1 Bayaran insentif yang telah diluluskan akan dimasukkan ke dalam akaun pemohon.
- 4.2 Bagi penerbitan yang ditulis secara bersama di mana kumpulan penulis adalah daripada kalangan staf KIAS, insentif yang telah diluluskan akan dimasukkan ke akaun ketua penyelidik atau penulis utama.

### **5.0 PROSEDUR PERMOHONAN**

- 5.1 Pemohon dikehendaki melengkapkan Borang Permohonan Insentif Penyelidikan, Penerbitan dan Inovasi KIAS. Borang boleh dimuat turun melalui laman sesawang KIAS.
- 5.2 Pemohon dikehendaki mengemukakan bukti penerbitan seperti berikut:
  - 5.2.1 **Geran penyelidikan:** Dokumen-dokumen berkaitan seperti surat pelantikan, butiran geran, bukti pembayaran tajaan geran dan sebagainya.
  - 5.2.2 **Artikel jurnal:** salinan muka hadapan penerbitan dan helaian, yang mengandungi maklumat seperti pengarang,

afiliasi, tajuk, penerbitan, tahun, nama KIAS, dan nama penerbit.

5.2.3 **Buku/bab dalam buku:** muka surat yang menunjukkan maklumat seperti tajuk, penulis, penerbit, tahun diterbitkan, muka hadapan, isi kandungan, pra-kata, ISBN, hak cipta dan muka surat pertama untuk bab dalam buku.

5.2.4 **Inovasi:** Dokumen pengesahan seperti pendaftaran hak cipta, paten, *trademark*, bukti penyertaan dan sijil anugerah inovasi.

5.3 Borang yang telah dilengkapkan dan dilampirkan bersama bukti yang sah perlu dihantar ke pejabat RMC KIAS.

## **6.0 PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan, sila hubungi pejabat Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) KIAS di talian 09-7129386

## KRITERIA INSENTIF PENYELIDIKAN, PENERBITAN DAN INOVASI KIAS TAHUN 2022

KATEGORI	DESKRIPSI	KUANTITI	JUMLAH (RM)
<b>KATEGORI PENYELIDIKAN</b>			
a. Geran Penyelidikan luar, contoh KPT (FRGS dll), JAKIM, dan lain-lain	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Jumlah minimum geran RM20,000.00 yang disalurkan ke Akaun KIAS.</li> <li>● Menerima geran dalam tempoh yang dipertimbangkan.</li> </ul>	Terhad kepada 10 penerima (ketua penyelidik) terbaik sahaja, berdasarkan kepada jumlah dana yang diperoleh.	500.00 / geran
b. Usaha sama penyelidikan berserta MoA	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Jumlah minimum geran RM 5,000.00.</li> <li>● Menerima geran dalam tempoh yang dipertimbangkan.</li> </ul>	Terhad kepada 10 penerima (ketua penyelidik) terbaik sahaja, berdasarkan kepada jumlah dana yang diperoleh.	500.00 / MoA
c. Terlibat dengan mana-mana penyelidikan di bawah geran luar	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Jumlah minimum geran RM 5,000.00.</li> </ul>	Geran penyelidikan perlu berdaftar dengan RMC KIAS untuk rekod.	300.00/ geran
<b>KATEGORI PENERBITAN</b>			
a. Artikel diterbitkan di dalam jurnal berindeks Scopus/WoS/ERA	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Penulis pertama, <i>corresponding author</i> atau penulis bersama.</li> <li>● Meletakkan afiliasi KIAS</li> <li>● Artikel diterbitkan dalam tahun penilaian.</li> </ul>	Terhad kepada 10 artikel sahaja. Dihadkan 3 anugerah sahaja bagi seorang pensyarah KIAS.	800.00 / artikel
b. Artikel diterbitkan dalam jurnal berindeks MyCite atau setaraf.	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Penulis pertama atau <i>corresponding author</i> sahaja.</li> <li>● Meletakkan afiliasi KIAS</li> <li>● Artikel diterbitkan dalam tahun penilaian.</li> </ul>	Terhad kepada 50 artikel sahaja. Dihadkan 3 anugerah sahaja untuk seorang pensyarah KIAS.	500.00 / artikel
c. Artikel diterbitkan dalam jurnal berindeks MyJurnal atau setaraf.	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Penulis pertama atau <i>corresponding author</i> sahaja</li> </ul>	Terhad kepada 50 artikel sahaja. Dihadkan 3 anugerah sahaja untuk	200.00 / artikel

	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Meletakkan afiliasi KIAS</li> <li>● Artikel diterbitkan dalam tahun penilaian.</li> </ul>	seorang pensyarah KIAS.	
d. Prosiding / bab dalam buku	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Penulis pertama atau <i>corresponding author</i> sahaja</li> <li>● Meletakkan afiliasi KIAS</li> <li>● Artikel diterbitkan dalam tahun penilaian.</li> </ul>	Terhad kepada 40 artikel sahaja. Dihadkan 3 anugerah sahaja untuk seorang pensyarah KIAS.	100.00 / artikel
e. Penulisan buku karya ilmiah (Terbuka kepada buku penulisan ilmiah, separa ilmiah, modul atau buku penyelidikan).	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Diterbitkan dalam tahun penilaian.</li> <li>● Diterbitkan oleh Penerbit KIAS atau yang berdaftar dengan badan beriktiraf seperti MAPIM.</li> <li>● Buku edisi pertama sahaja.</li> </ul>	Terhad kepada 50 buku karya ilmiah sahaja Dihadkan 3 anugerah sahaja untuk seorang pensyarah KIAS.	500.00 / terbitan
<b>KATEGORI INOVASI</b>			
a. Pendaftaran proses/ produk untuk <i>paten, trademark</i> dan <i>copyright</i>	Didaftarkan dalam tempoh tahun penilaian.	Terhad kepada 2 paten, 2 trademarks, dan 20 copyright sahaja. Dihadkan 3 anugerah sahaja untuk seorang kakitangan.	1000.00 / Paten 250.00 / Trademark 200.00 / Copyright
b. Memenangi anugerah inovasi	Pemenang pingat emas, perak atau gangsa. Pertandingan yang dianjurkan oleh badan yang diiktiraf seperti Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA), International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX) dan sebagainya.	Terhad kepada 10 penerima sahaja.	Pingat Emas – 500.00 / pemenang Pingat Perak – 300.00 / pemenang Pingat Gangsa – 100.00 / pemenang

